



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Bahasa Melayu

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Bahasa Melayu

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 2

Bahagian Pembangunan Kurikulum

APRIL 2016

Terbitan 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara	vii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	viii
Definisi Kurikulum Kebangsaan	ix
Kata Pengantar	xi
Pendahuluan	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	5
Fokus	6
Kemahiran Abad ke-21	7
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	10
Elemen Merentas Kurikulum	18
Pentaksiran Sekolah	21

Organisasi Kandungan	27
Sistem Bahasa	28
Domain Pembelajaran	31
Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu	31
Kemahiran Mendengar dan Bertutur	32
Kemahiran Membaca	36
Kemahiran Menulis	38
Aspek Seni Bahasa	41
Aspek Tatabahasa	42
Glosari	44
Panel Penggubal	50



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu telah digubal semula sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah rendah yang mula digunakan sejak tahun 2011. Kurikulum baharu berasaskan standard ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid.

KSSM Bahasa Melayu ini menggunakan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, memperkembangkan dan menilai keupayaan penguasaan kemahiran berbahasa dengan mempamerkan keterampilan dan kecekapan berbahasa.

Kurikulum ini juga mengambil kira Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Bahasa Melayu yang akan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap

karya sastera dalam kalangan murid. Pengapresiasian dan penghayatan sastera mampu mendukung kemahiran berbahasa dalam membentuk jati diri dan sahsiah murid.

KSSM Bahasa Melayu sekolah menengah menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah serta menjadi pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian.

OBJEKTIF UMUM

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan ayat, pernyataan dan maklumat dalam pelbagai ujaran dan wacana dengan memberikan respons yang betul dan tepat.
2. Bertutur, berbicara, bersoal jawab, berbincang, berunding menyampaikan maklumat dan mengulas sesuatu perkara dalam pelbagai situasi dengan pengucapan fasih, kritis dan bertatasusila.
3. Membaca dan menggunakan pelbagai strategi dan teknik bacaan untuk memahami, menaakul, menganalisis dan menilai maklumat bahan prosa, puisi dan grafik dengan kritis, reflektif, betul dan tepat.
4. Meningkatkan kelancaran bacaan, meluaskan perbendaharaan kata, pengetahuan dan pemikiran, serta mengukuhkan penghayatan terhadap bahan sastera dan bukan sastera.
5. Membaca, memahami dan menggunakan perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan, peribahasa dan bahasa kiasan dalam komunikasi dan penulisan dengan betul dan kreatif.
6. Menulis untuk melengkapkan, menerangkan, meringkaskan, merumus, mengolah, mengulas dan mengedit maklumat daripada pelbagai sumber.
7. Menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik untuk melahirkan idea dengan tersusun menggunakan bahasa dengan betul, gramatis dan menarik.
8. Menghasilkan dan mempersembahkan karya prosa, puisi dan seni bahasa yang lain secara kreatif dan berkesan.
9. Memahami dan menggunakan tatabahasa bagi tujuan lisan dan penulisan dengan betul dan tepat mengikut konteks.
10. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

Objektif Bahasa Melayu Tingkatan 2

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 2 bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:


1. Mendengar dan memahami maklumat dalam pelbagai ujaran dengan memberikan respons yang betul dan bertatasusila.
2. Mendengar, memahami dan mengelaskan ayat majmuk serta menggunakannya dalam pelbagai ujaran dengan betul dan mengikut konteks.
3. Mendengar, memahami dan menyusun panduan, tunjuk cara dan arahan dengan memberikan respons yang sesuai dan bermakna.
4. Mengemukakan pelbagai soalan bercapah dan memberikan jawapan untuk penyelesaian masalah.
5. Menyaring, menyampaikan maklumat dan membuat ulasan dalam pelbagai bahan dengan betul.
6. Berbincang dan berunding untuk mendapatkan penjelasan dan persetujuan tentang sesuatu perkara.
7. Membaca pelbagai prosa dan puisi serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.
8. Membaca dan memahami makna pelbagai teks untuk menaakul dan meneroka maksud keseluruhan dan maklumat baharu.
9. Menulis untuk menyatakan makna kata, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta menggunakannya mengikut konteks.
10. Menulis untuk mengemukakan maklumat dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada daripada pelbagai sumber menggunakan ayat yang gramatis.
11. Menulis untuk melengkapkan perenggan dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.
12. Menulis untuk menghasilkan kerangka karangan, perenggan pendahuluan dan isi kesimpulan karangan secara terancang.
13. Menulis ringkasan dan merumus pelbagai bahan prosa dengan betul dan menggunakan ayat yang gramatis.
14. Mengedit ejaan, tanda bacaan dan kesalahan nahu pelbagai teks tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.
15. Memahami dan menghayati karya sastera dari aspek sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional.

16. Menghasilkan papan cerita karya fiksiyen dan sajak daripada bahan rangsangan dan tema yang diberikan dan pengalaman murid secara kreatif.
17. Mempersembahkan pelbagai prosa, puisi dan karya kreatif secara kreatif, menarik dan berkesan.
18. Memahami dan menggunakan pelbagai golongan kata dalam pelbagai ayat dengan betul dan mengikut konteks.
19. Memahami dan menggunakan kata ganda, kata terbitan dan frasa dengan betul mengikut konteks.
20. Memahami dan membina ayat tunggal dan jenis ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.
21. Menganalisis dan membetulkan kesalahan ayat dan frasa dalam sesuatu ayat.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetik; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Bahasa Melayu digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSM.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

Kurikulum Standard Bahasa Melayu menengah rendah memberikan tumpuan untuk memperkukuh kemahiran berbahasa yang dicapai pada peringkat Tahap II sekolah rendah ke tahap yang lebih tinggi. Peningkatan kecekapan ini mencakupi kemahiran mendengar, pengujaran dan penyampaian lisan dalam pelbagai situasi; penguasaan pembacaan dan pemahaman teks bacaan yang pelbagai serta mampu menghasilkan bahan kreatif pelbagai genre; pemupukan minat terhadap bahan sastera melalui komponen sastera (KOMSAS); pengembangan kosa kata dan ungkapan, serta penggunaan tatabahasa dalam lisan dan penulisan.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid berketerampilan dalam berkomunikasi, penyampaian maklumat, pendapat dan hujah secara kritis. Manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat, memupuk minat membaca dalam meningkatkan apresiasi sastera, membuat penaaakulan dan penyelesaian masalah secara kolaboratif. Melalui penguasaan menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan, menghasilkan bahan kreatif pelbagai genre, menyampaikan idea dalam pelbagai bentuk, meningkatkan

kosa kata, ungkapan, penggunaan tatabahasa dan laras bahasa yang sesuai dalam penulisan.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi menggunakan sistem bahasa yang betul dan tepat serta menghasilkan penulisan yang berkualiti, kritis dan kreatif. Manakala dalam aspek seni bahasa pula, murid dapat mengapresiasi, menghayati, menikmati, mencipta dan mempersembahkan karya dalam pengucapan kreatif dengan menggunakan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik persembahan yang santai dan menyeronokkan.

Penekanan pelbagai strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) serta aspek (seni bahasa dan tatabahasa), diyakini dapat merangsang dan membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberikan fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1, supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Profil Murid Berasaskan SK dan SP Bahasa Melayu Sekolah Menengah**Jadual 1: Profil Murid**

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, berkeyakinan, bertoleransi dan bersifat empati.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mampu menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka seorang pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka dapat menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika/undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkannya dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberikan justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis dan kreatif, menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis ialah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul ialah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk penaaakulan, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyzoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSM, strategi PdP Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Konsep 5P

Strategi PdP Bahasa Melayu menekankan konsep 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P merupakan asas dalam proses PdP dalam KBSR. Melalui prinsip ini, murid dapat menyesuaikan maklumat dalam rangsangan serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh seterusnya mengelakkan murid daripada berasa bosan sepanjang proses PdP dijalankan. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam PdP Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata-mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran bahasa membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses PdP merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif PdP. Melalui proses penilaian ini segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam PdP harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Aktiviti pengayaan dalam PdP pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti PdP yang mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Selain itu, penyelesaian masalah secara kolaboratif perlu digalakkan dalam aktiviti bilik darjah.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan pengaplikasian dan penggabungan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah. Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan

dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif ialah kaedah PdP dalam kumpulan yang membolehkan murid saling belajar sambil belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif dapat menghasilkan tugas kumpulan, mewujudkan interaksi, semangat bekerja sepasukan dan latihan kepimpinan.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu dan masyarakat. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berupaya mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah pendekatan pengajaran yang bertujuan mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, kini dan masa hadapan. Hal ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran akses kendiri ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberikan peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah merupakan aktiviti kurikulum yang dilakukan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah, memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar di samping mengembangkan kemahiran sosial dan insaniah.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran masteri sejajar dengan penetapan standard dalam KSSM yang bertujuan untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran atau kecekapan bahasa dengan baik. Pembelajaran dipecahkan kepada unit yang lebih kecil supaya mudah dikuasai. Murid perlu menguasai tahap masteri sebelum beralih ke standard pembelajaran yang seterusnya.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Kemahiran bahasa distrukturkan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Tiga modul yang pertama berasaskan empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul seni bahasa dan modul tatabahasa menyokong modul-modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid.

Pembelajaran Berpusatkan Murid

Pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid. Pendekatan ini membolehkan murid berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar mengikut keupayaan sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa dalam pembelajaran mereka.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan PdP yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri-ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghiburkan dan bermakna yang dapat membantu mengukuhkan pemahaman dan merangsang murid untuk belajar. Unsur didik hibur boleh wujud dalam bahan dan aktiviti PdP bagi membolehkan murid mencapai sesuatu kemahiran berbahasa. Antaranya melalui aktiviti bercerita, lakonan, improvisasi, puisi, unsur kecindan, komik, lagu, muzik, filem serta seni kreatif yang lain.

Kepelbagaian Sumber dan Bahan

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan amatlah digalakkan dalam PdP Bahasa Melayu. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdP bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagaian sumber atau medium ini merujuk penggunaan sumber pertama, bercetak, elektronik, digital dan internet, serta bahan yang autentik, seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

Pendekatan Bertema

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu adalah secara bertema. Melalui PdP bertema, kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa, serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, melalui pendekatan bertema, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin ilmu lain lebih mudah diserapkan. Tema dan cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. Kesihatan dan Kebersihan
Tema kesihatan dan kebersihan merujuk kepada kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini diajarkan supaya murid mendapat pendedahan awal berkaitan dengan penjagaan kebersihan dan kesihatan serta amalan gaya hidup sihat.
2. Keselamatan
Tema keselamatan merujuk kepada keupayaan berlindung daripada bahaya dalam pelbagai persekitaran. Tema ini diajarkan supaya murid melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang keselamatan diri dan sekitaran sosial yang lain.

3. Perpaduan

Tema perpaduan merujuk kepada kepentingan hubungan erat yang berasaskan toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia serta komuniti serantau dan antarabangsa. Tema ini diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.

4. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merujuk kepada citra masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat, seni dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

5. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada penzahiran keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.

6. Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk kepada ilmu pengetahuan yang sistematik yang boleh diuji dan dibuktikan kebenarannya. Antara bidang yang berkaitan dengan tema ini ialah aeroangkasa, bioteknologi dan kejuruteraan. Tema ini diajarkan supaya murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran sains dan teknologi, untuk meneroka dan menjana idea kreatif serta berupaya untuk mencipta sesuatu yang berinovasi.

7. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau

Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk kepada penjagaan dan pelestarian alam sekitar demi kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini diajarkan agar murid cinta, prihatin dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan teknologi hijau.

8. Pertanian, Penternakan dan Perikanan

Tema pertanian, penternakan dan perikanan memberikan pendedahan tentang kegiatan bercucuk tanam, berternak dan menangkap hasil laut secara tradisional dan moden. Tema ini

diajarkan untuk memupuk kesedaran murid tentang kepentingan bidang pertanian, penternakan, perikanan dan perniagaan tani dalam kehidupan.

9. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi merujuk kepada bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan negara dan pengurusan perdagangan. Melalui tema ini, murid dapat meneroka perkembangan ekonomi dalam negara. Melalui tema pengurusan kewangan, murid diberi pendedahan tentang kepentingan serta kaedah pengurusan kewangan yang betul dan terancang.

10. Pelancongan

Tema pelancongan memperkenalkan pelbagai dimensi industri pelancongan seperti agropelancongan, pelancongan sukan, ekopelancongan atau pelancongan kesihatan. Melalui tema ini murid diberikan pendedahan tentang sumbangan pelancongan kepada negara.

11. Sejarah dan Warisan

Tema sejarah dan warisan merangkumi unsur warisan seni bina, tinggalan sejarah, seni pertahanan diri, peralatan, makanan, pakaian dan permainan tradisional. Melalui tema ini sikap menghargai sejarah dan seni warisan bangsa dapat dipupuk.

12. Sukan dan Rekreasi

Tema sukan dan rekreasi merujuk kepada kegiatan yang memerlukan ketangkasan, kemahiran serta tenaga bersifat fizikal untuk kecergasan dan kecerdasan. Tema ini diajarkan untuk menimbulkan minat dan menggalakkan pelibatan murid dalam sukan dan rekreasi dalam usaha melahirkan warga Malaysia yang sihat dan cergas.

13. Perindustrian

Tema perindustrian merujuk kepada perusahaan membuat, menghasilkan dan mengeluarkan barangan ringan dan berat. Tema ini diajarkan untuk memberikan kesedaran kepada murid tentang pembangunan industri dan kepentingan perindustrian sebagai sumber ekonomi negara.

14. Pendidikan

Tema pendidikan merangkumi proses melatih individu secara formal dan tidak formal. Tema ini diajarkan kepada murid untuk mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kesediaan menghadapi kehidupan sebenar sebagai ahli masyarakat.

15. Bahasa dan Kesusasteraan

Tema bahasa dan kesusasteraan merangkumi pelbagai isu bahasa dan kesusasteraan Melayu dalam negara. Tema ini diajarkan kepada murid untuk mewujudkan kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta menghayati dan menikmati keindahan bahan sastera Melayu.

16. Kerjaya

Tema kerjaya merujuk kepada profesion atau pekerjaan dalam sesuatu lapangan yang dipilih sebagai cara memperoleh sumber pendapatan. Tema ini diajarkan untuk mendorong dan memotivasikan murid dalam membuat pilihan kerjaya yang sesuai dengan keupayaan, bakat dan minat murid.

17. Integriti

Tema integriti merujuk kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi, keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Tema ini dapat memupuk kesedaran murid untuk bertindak mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh agama dan moral agar menjadi masyarakat yang bertamadun demi kemajuan negara.

18. Pentadbiran dan Politik

Tema pentadbiran dan politik merujuk kepada kejujuran, keikhlasan, kesempurnaan dan keutuhan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab. Tema ini diajarkan supaya murid memperoleh pengetahuan dan kefahaman tentang asas sistem pentadbiran dan politik negara, serta yang berkaitan dengan urus tadbir.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen dalam EMK adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);

- (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti ialah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasikan dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran

menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.

- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang, yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit misalnya, pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain yang merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksanakan dan dilaporkan oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan sama ada secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PS perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat (*localised*). Maklumat yang diperolehi daripada PS akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

PS boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir suatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PS, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melaporkan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP. Tahap penguasaan bagi setiap kemahiran akan dinilai secara pertimbangan profesional oleh guru.

PS amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti yang berterusan yang memerlukan komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembang potensi setiap murid ke tahap maksimum.

PS mempunyai ciri-ciri yang berikut:

1. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP.
3. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Berasaskan standard kurikulum.
5. Pelaksanaan pentaksiran secara;
 - Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP; dan
 - Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Pentaksiran Rujukan Standard

Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard. Murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain. Pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

Standard Prestasi

Standard Prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik PS sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tahap Penguasaan

Tahap penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu berdasarkan kelompok standard. Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk pernyataan standard dalam DSKP Bahasa Melayu KSSM. Manakala tahap penguasaan keseluruhan kemahiran bahasa ditentukan secara pertimbangan profesional dan

kebijaksanaan guru melalui pelbagai kaedah seperti pemerhatian, latihan, pembentangan, respons murid, kerja projek berkumpulan dan sebagainya.

Terdapat dua bentuk standard prestasi yang disediakan, iaitu standard prestasi umum yang merentas kemahiran bahasa, dan standard prestasi umum bagi setiap kemahiran bahasa. Standard prestasi umum Kurikulum Standard Bahasa Melayu Menengah dihuraikan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Tahap Penguasaan dan Tafsiran Umum Bahasa Melayu Sekolah Menengah

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.
2 Terhad	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
3 Memuaskan	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sedehana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.
4 Baik	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik , dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan , berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.
5 Sangat Baik	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif , mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks , menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif , serta mengamalkan pembelajaran secara kendiri dalam kemahiran bahasa.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6 Cemerlang	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten , berupaya mengungkapkan idea dengan jelas, terperinci dan tersusun , menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif , berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan , mengamalkan pembelajaran secara kendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.

Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses PdP dalam bilik darjah dengan merujuk kepada SK dan SP. Kebijaksanaan guru perlu ada bagi menentukan proses PdP dilaksanakan secara berkesan dan bersesuaian. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mempunyai pertimbangan profesional dalam mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi bagi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Walau bagaimanapun, aspek seni bahasa dan tatabahasa ditaksir bersama-sama dengan kemahiran bahasa tersebut. Guru seharusnya memberikan peluang

kepada setiap muridnya mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan. Tahap penguasaan murid secara umum bagi setiap kemahiran merujuk kepada Jadual 4, Jadual 5 dan Jadual 6.

Jadual 4: Tahap Penguasaan dan Tafsiran Umum Kemahiran Mendengar dan Bertutur

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami sesuatu maklumat dalam pelbagai wacana, perundingan, soal jawab serta memberikan ulasan dengan sebutan, yang betul secara bertatasusila pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami sesuatu maklumat dalam pelbagai wacana, perundingan, soal jawab serta memberikan ulasan dengan sebutan, yang betul secara bertatasusila pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami sesuatu maklumat dalam pelbagai wacana, perundingan, soal jawab serta memberikan ulasan dengan sebutan, yang betul secara bertatasusila pada tahap memuaskan .

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
4 Baik	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami sesuatu maklumat dalam pelbagai wacana, perundingan, soal jawab serta memberikan ulasan dengan sebutan, yang betul secara bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami sesuatu maklumat dalam pelbagai wacana, perundingan, soal jawab serta memberikan ulasan dengan sebutan, yang betul secara bertatasusila pada tahap tekal dan terperinci .
6 Cemerlang	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami sesuatu maklumat dalam pelbagai wacana, perundingan, soal jawab serta memberikan ulasan dengan sebutan, yang betul secara bertatasusila pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan .

Jadual 5: Tahap Penguasaan dan Tafsiran Umum Kemahiran Membaca

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada tahap memuaskan .
4 Baik	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada tahap kukuh .

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5 Sangat Baik	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami, menaakul, menganalisis dan memindahkan maklumat serta menjana idea daripada pelbagai bahan bacaan pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

Jadual 6: Tahap Penguasaan dan Tafsiran Umum Kemahiran Menulis

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1 Sangat Terhad	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sangat terhad .

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2 Terhad	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap memuaskan .
4 Baik	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap kekal dan terperinci .
6 Cemerlang	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. SK dan SP ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen pengisian kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan SK dan SP yang dipersembahkan dalam bentuk modular. Standard ini dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan

Penyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Penyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.

Standard Prestasi

Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pameran sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (*indicator of success*). Ketiga-tiga standard ini ditunjukkan dalam organisasi kandungan (merujuk Jadual 8)

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Kemahiran bahasa ini diorganisasikan dalam lima modul kemahiran bahasa:

1. Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur memberi penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur. Kemahiran mendengar merujuk proses pengamatan dan pengecaman bunyi yang disepadukan dengan proses kognitif untuk memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar. Kemahiran bertutur melibatkan proses berfikir bagi menghasilkan bunyi-bunyi bahasa dalam bentuk percakapan untuk berinteraksi dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta bertatasusila.

2. Modul Kemahiran Membaca

Modul Kemahiran Membaca merupakan lanjutan daripada kemahiran mendengar dan bertutur yang melibatkan penglihatan. Kemahiran membaca yang lebih kompleks memerlukan pembaca menganalisis, menghayati, menilai dan membuat refleksi terhadap teks. Ini ditambah oleh gabungan medium teks digital dan bukan digital serta gabungan teks linear dan bukan linear dalam sesuatu aktiviti.

3. Modul Kemahiran Menulis

Modul Kemahiran Menulis ialah kemahiran yang paling tinggi dalam hierarki kemahiran berbahasa kerana menggabungkan aspek kognitif dan psikologi untuk menulis perkataan, ayat dan perenggan serta melahirkan idea secara kritis dan kreatif melalui pelbagai jenis penulisan.

4. Modul Aspek Seni Bahasa

Modul Aspek Seni Bahasa memberikan tumpuan pada aspek kebahasaan dan kesusasteraan yang estetik, indah dan halus dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan seni bahasa merangkumi kemahiran memahami dan mengapresiasi karya prosa dan puisi melalui

PdP Komponen Sastera (KOMSAS), serta penguasaan bahasa kiasan. Melalui Seni Bahasa murid berpeluang mencipta, menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre melalui lisan dan penulisan dalam pelbagai teknik yang menarik.

5. Modul Aspek Tatabahasa

Modul Aspek Tatabahasa memfokuskan aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan melalui pengajaran yang terancang dan berkonteks melalui teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam lisan dan penulisan.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa ialah ilmu dan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid melalui bidang kecekapan bahasa. Sistem bahasa terdiri daripada sebutan dan intonasi, sistem ejaan, tanda baca, tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Mana-mana aspek sistem bahasa yang wujud sebagai bidang kecekapan dan kemahiran, contohnya tatabahasa sebagai Aspek Tatabahasa, dan peribahasa sebagai kemahiran dalam Aspek Seni Bahasa, akan

diajarkan secara berfokus. Di luar konteks ini, sistem bahasa diajarkan kepada murid secara penyerapan dalam mana-mana kemahiran bahasa bersesuaian untuk mengukuhkan kemahiran berbahasa murid. Berikut adalah penerangan bagi setiap aspek dalam sistem bahasa.

1. Sebutan dan intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Intonasi yang betul hendaklah diajarkan bagi jenis ayat yang berikut:

- (i) ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan
- (ii) ayat susunan biasa dan susunan songsang
- (iii) ayat ragam aktif dan pasif

2. Sistem Ejaan

Sistem ejaan ialah aturan pengejaan mengikut kesesuaian jenis dan bentuk perkataan. Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu

edisi terkini dijadikan rujukan dalam PdP. Perkara yang diberikan penekanan dalam sistem ejaan ialah:

- (i) pola keselarasan vokal bahasa Melayu;
- (ii) ejaan kata pinjaman; dan
- (iii) ejaan kata dasar dan kata terbitan.

3. Tanda Baca

Tanda baca penting dikuasai khususnya dalam komunikasi tulisan dan bacaan mekanis untuk memastikan keberkesanan penyampaian mesej dan makna yang tepat. Tanda baca yang perlu dikuasai murid ialah noktah, koma, koma bernoktah, kolon, sempang, tanda soal, tanda seru, tanda petik, tanda kurungan, termasuk penggunaan huruf kecil, huruf besar, dan huruf italik.

4. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

(i) Morfologi

Aspek morfologi yang ditumpukan ialah:

- Struktur kata yang merujuk pola suku kata bagi kata asli bahasa Melayu dan kata pinjaman bahasa Melayu.
- Bentuk kata yang merujuk bentuk tunggal atau hasil pembentukan kata yang terdiri daripada kata tunggal,

kata terbitan, kata ganda dan kata majmuk.

- Golongan kata dalam bahasa Melayu yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas.
- Kata yang bukan dalam bentuk leksikal tunggal yang diterbitkan daripada tiga proses pembentukan kata, iaitu: pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan.

(ii) Sintaksis

Aspek sintaksis yang ditumpukan ialah bentuk, jenis, ragam, binaan ayat dan penerbitan ayat seperti yang berikut:

- Bentuk ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa, serta subjek dan predikat.
- Jenis ayat yang terdiri daripada ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- Ragam ayat yang terdiri daripada ragam ayat aktif dan ragam ayat pasif.
- Susunan ayat terdiri daripada susunan biasa dan susunan songsang.
- Binaan ayat yang terdiri daripada ayat dasar, ayat tunggal, ayat majmuk dan ayat terbitan.

- Penerbitan ayat melalui proses pengguguran, proses penyusunan semula dan proses peluasan.

Buku Tatabahasa Dewan edisi terkini ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam PdP Bahasa Melayu.

5. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

6. Peribahasa

Peribahasa tergolong dalam bahasa kiasan. Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilang dan kata-kata hikmat. Peribahasa yang dipilih dan dipelajari mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni yang berteraskan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

DOMAIN PEMBELAJARAN

Pembelajaran bahasa Melayu mempunyai konteks atau latar yang luas dan pelbagai bersesuaian dengan tahap perkembangan dan tahap kematangan murid sekolah menengah. Skop pembelajaran merangkumi aspek individu, masyarakat dan negara, serta serantau dan antarabangsa selari dengan cabaran abad ke-21. Dalam menghadapi dunia sebenar dan sebagai pemain global, murid didedahkan dengan situasi peribadi, awam, pendidikan dan kerjaya seperti dalam jadual 7.

Jadual 7: Domain Pembelajaran

SITUASI	HURAIAN
Peribadi	Berinteraksi dengan keluarga, kawan-kawan, jiran dan masyarakat sekeliling.
Awam	Berurusan dengan perkhidmatan awam, badan pentadbiran, aktiviti sosial dan budaya dalam masyarakat.
Pendidikan	Berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran khusus.
Kerjaya	Berkaitan dengan aktiviti yang melibatkan persediaan menyertai alam kerjaya.

KOMPONEN SASTERA DALAM BAHASA MELAYU

Komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa, memupuk minat membaca dan penghayatan terhadap karya sastera serta menyerapkan ilmu dan kemahiran sastera. PdP KOMSAS menyokong pembentukan individu, pembangunan minda, sosioemosi, estetik, kreativiti dan nilai diri bersesuaian dengan budaya dan citra masyarakat negara ini. PdP KOMSAS juga merangsang pembentukan jati diri individu yang seimbang dan menyeluruh. Jenis karya atau genre yang dipelajari dalam KOMSAS ialah novel, cerpen, puisi moden (sajak), puisi tradisional, drama dan prosa tradisional. Penggunaan teks KOMSAS Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 adalah sebagai bahan dalam PdP Bahasa Melayu dan boleh disesuaikan mengikut kemahiran dan aspek yang terkandung dalam dokumen kurikulum semasa.

1.0 KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>1.1 Mendengar, mengenal dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta intonasi ayat dalam pelbagai ujaran.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Mendengar, mengenal pasti dan menyebut perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat.</p> <p>1.1.2 Mendengar, mengenal pasti dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan intonasi yang betul.</p>
<p>1.2 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dalam pelbagai ujaran.</p>	<p>1.2.1 Mendengar dan memahami perkataan, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta menggunakannya dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks secara bertatasusila.</p> <p>1.2.2 Mendengar dan memahami ayat majmuk serta menggunakannya dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks.</p>
<p>1.3 Mendengar dan memahami maklumat, fakta, idea dan hujah dalam pelbagai wacana dan memberikan respons.</p>	<p>1.3.1 Mendengar dan mengenal pasti maklumat dalam pelbagai wacana dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat dan bermakna.</p> <p>1.3.2 Mendengar dan menyusun panduan, tunjuk cara dan arahan dengan memberikan respons yang sesuai dan bermakna.</p>
<p>1.4 Berbicara tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi formal dan tidak formal.</p>	<p>1.4.1 Berbual dengan menerangkan sesuatu isu yang berkaitan komuniti menggunakan sebutan yang betul dalam situasi tidak formal secara bertatasusila.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	<p>1.4.2 Berbicara untuk memohon dan memberi kemaafan terhadap seseorang dalam situasi formal secara bertatasusila.</p> <p>1.4.3 Menceritakan peristiwa yang didengar dan dilihat dalam situasi formal dan tidak formal dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila.</p>
<p>1.5 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara menggunakan pelbagai soalan, dan mengemukakan jawapan.</p>	<p>1.5.1 Mengemukakan soalan bercapah untuk mencungkil pendapat yang sesuai secara bertatasusila.</p> <p>1.5.2 Memberikan jawapan dengan pelbagai penyelesaian masalah tentang sesuatu perkara dengan betul, tepat dan secara bertatasusila.</p> <p>1.5.3 Bersoal jawab dengan menggunakan soalan bercapah dalam perbincangan dan memberikan jawapan yang sesuai dan betul secara bertatasusila.</p>
<p>1.6 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara dalam pelbagai situasi.</p>	<p>1.6.1 Menyaring dan menyampaikan maklumat yang tepat dan menggunakan ayat yang gramatis.</p> <p>1.6.2 Menjana dan menyampaikan maklumat dalam bentuk panduan dan pesanan dengan betul dan jelas, intonasi yang sesuai dan berkesan menggunakan ayat yang gramatis.</p>
<p>1.7 Berbincang dan berunding tentang sesuatu perkara.</p>	<p>1.7.1 Berbincang tentang sesuatu perkara untuk memberikan dan mendapatkan penjelasan secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.</p> <p>1.7.2 Berunding untuk mendapatkan persetujuan tentang sesuatu perkara secara rasional dengan ayat yang gramatis dan bahasa yang santun.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.8 Mengulas sesuatu perkara dan isu.	1.8.1 Menghuraikan sesuatu perkara dengan bernas dan kritis secara jelas menggunakan ayat yang betul, tepat dan gramatis. 1.8.2 Mengulas bahan grafik dengan menyatakan maklumat tersurat dan tersirat dengan jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1 Sangat Terhad	Memberikan respons terhadap ujaran, maklumat, fakta dan idea yang diperdengarkan; serta berbicara untuk menyampaikan maklumat, berbincang, berunding dan memberikan ulasan tentang sesuatu perkara menggunakan sebutan yang betul, ayat yang gramatis dan bertatasusila pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Memberikan respons terhadap ujaran, maklumat, fakta dan idea yang diperdengarkan; serta berbicara untuk menyampaikan maklumat, berbincang, berunding dan memberikan ulasan tentang sesuatu perkara menggunakan sebutan yang betul, ayat yang gramatis dan bertatasusila pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Memberikan respons terhadap ujaran, maklumat, fakta dan idea yang diperdengarkan; serta berbicara untuk menyampaikan maklumat, berbincang, berunding dan memberikan ulasan tentang sesuatu perkara menggunakan sebutan yang betul, ayat yang gramatis dan bertatasusila pada tahap memuaskan .
4 Baik	Memberikan respons terhadap ujaran, maklumat, fakta dan idea yang diperdengarkan; serta berbicara untuk menyampaikan maklumat, berbincang, berunding dan memberikan ulasan tentang sesuatu perkara menggunakan sebutan yang betul, ayat yang gramatis dan bertatasusila pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Memberikan respons terhadap ujaran, maklumat, fakta dan idea yang diperdengarkan; serta berbicara untuk menyampaikan maklumat, berbincang, berunding dan memberikan ulasan tentang sesuatu perkara menggunakan sebutan yang betul, ayat yang gramatis dan bertatasusila pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Memberikan respons terhadap ujaran, maklumat, fakta dan idea yang diperdengarkan; serta berbicara untuk menyampaikan maklumat, berbincang, berunding dan memberikan ulasan tentang sesuatu perkara menggunakan sebutan yang betul, ayat yang gramatis dan bertatasusila pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

2.0 KEMAHIRAN MEMBACA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Membaca secara mekanis pelbagai bahan prosa dan puisi.	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Membaca surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi dan teks pengacaraan dengan sebutan dan intonasi yang betul. serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.</p> <p>2.1.2 Membaca syair dan sajak secara mekanis dengan sebutan dan intonasi yang betul serta mengenal pasti maksud tersurat dan tersirat.</p>
2.2 Membaca untuk memahami makna perkataan, rangkai kata, istilah, serta maksud ungkapan dan ayat dalam pelbagai bahan.	<p>2.2.1 Membaca untuk memahami makna rangkai kata yang terdapat dalam pelbagai bahan menggunakan glosari dan kamus dengan betul dan tepat.</p> <p>2.2.2 Membaca untuk memahami dan menaakul maklumat berbentuk pesanan daripada pelbagai bahan dengan memberikan respons yang betul.</p> <p>2.2.3 Membaca secara luncuran dan imbasan untuk memahami serta meneroka maksud keseluruhan daripada pelbagai bahan .</p>
2.3 Membaca untuk memproses maklumat daripada pelbagai bahan.	2.3.1 Membaca untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan dengan betul dan tepat.
2.4 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa dan meluaskan pengetahuan bagi pembangunan diri.	2.4.1 Membaca secara ekstensif pelbagai bahan fiksyen dan bukan fiksyen untuk meneroka maklumat baharu.

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MEMBACA	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1 Sangat Terhad	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu petikan dengan memberi respons serta menganalisis idea keseluruhan dalam pelbagai bahan yang dibaca pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu petikan dengan memberi respons serta menganalisis idea keseluruhan dalam pelbagai bahan yang dibaca pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu petikan dengan memberi respons serta menganalisis idea keseluruhan dalam pelbagai bahan yang dibaca pada tahap memuaskan .
4 Baik	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu petikan dengan memberi respons serta menganalisis idea keseluruhan dalam pelbagai bahan yang dibaca pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu petikan dengan memberi respons serta menganalisis idea keseluruhan dalam pelbagai bahan yang dibaca pada tahap tekak dan terperinci .
6 Cemerlang	Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu petikan dengan memberi respons serta menganalisis idea keseluruhan dalam pelbagai bahan yang dibaca pada tahap tekak, terperinci dan menjadi teladan .

3.0 KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Menulis untuk menerangkan makna kata dan istilah; maksud rangkai kata, ungkapan dan ayat.	Murid boleh: 3.1.1 Menulis untuk menyatakan makna kata, rangkai kata, istilah dan ungkapan serta menggunakannya dengan betul mengikut konteks.
3.2 Menulis untuk mengemukakan maklumat dan pandangan tentang sesuatu perkara.	3.2.1 Menulis untuk menyatakan maklumat yang betul dengan mengaitkan pengetahuan sedia ada daripada pelbagai sumber menggunakan ayat yang gramatis.
3.3 Menulis untuk melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan.	3.3.1 Menulis untuk melengkapkan perenggan dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.
3.4 Menulis untuk menghasilkan perenggan dan karangan secara terancang.	3.4.1 Membina kerangka karangan dalam bentuk grafik secara terancang. 3.4.2 Menulis perenggan isi dengan membina pelbagai ayat topik, ayat huraian, ayat contoh dan ayat penegas secara terancang. 3.4.3 Menulis perenggan pendahuluan dan kesimpulan karangan menggunakan bahasa yang gramatis. 3.4.4 Menulis karangan menggunakan ejaan yang betul dan bahasa yang tepat, indah serta menarik.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.5 Menulis untuk meringkaskan dan merumuskan pelbagai bahan prosa.	3.5.1 Menulis ringkasan dan merumus pelbagai bahan prosa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.
3.6 Menulis untuk mengolah maklumat bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan dan grafik.	3.6.1 Menulis dan mengolah maklumat daripada bahan dialog dan bahan prosa kepada puisi menggunakan ayat yang gramatis.
3.7 Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENULIS	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1 Sangat Terhad	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap sangat terhad .
2 Terhad	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap terhad .
3 Memuaskan	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap memuaskan .
4 Baik	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap kukuh .
5 Sangat Baik	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap tekal dan terperinci .
6 Cemerlang	Menulis untuk menyatakan, melengkapkan, meringkaskan, merumus dan mengolah maklumat yang tersurat dan tersirat dalam sesuatu genre penulisan dengan betul, tepat dan gramatis pada tahap tekal, terperinci dan menjadi teladan .

4.0 ASPEK SENI BAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Memahami dan mengapresiasi karya sastera dengan memberikan respons peribadi.	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dari aspek sinopsis, tema, persoalan, nilai dan pengajaran, watak dan perwatakan dengan memberikan respons yang betul dan rasional.</p> <p>4.1.2 Memahami dan menghayati karya puisi dengan memberikan penekanan kepada aspek maksud, tema, persoalan, nilai dan pengajaran dengan betul.</p>
4.2 Memahami dan menggunakan bandingan semacam, peribahasa, kata-kata hikmat, kiasan madah pujangga, dan bahasa berirama dalam komunikasi dan penulisan.	4.2.1 Memahami, menerangkan makna dan menggunakan kata-kata hikmat dan bahasa berirama dengan betul dan mengikut konteks.
4.3 Menghasilkan karya fiksyen dan puisi secara terancang.	<p>4.3.1 Menghasilkan papan cerita berasaskan idea dan tema yang mudah menggunakan bahasa yang betul.</p> <p>4.3.2 Menghasilkan sajak daripada bahan rangsangan dan tema yang diberi berdasarkan pengalaman murid secara kreatif.</p>
4.4 Mempersembahkan pelbagai prosa, puisi dan karya kreatif lain.	<p>4.4.1 Mempersembahkan karya prosa secara kreatif.</p> <p>4.4.2 Mempersembahkan pantun dengan sebutan, intonasi dan nada secara kreatif.</p> <p>4.4.3 Mempersembahkan iklan dan promosi melalui teknik yang menarik dan berkesan.</p>

CATATAN:

Dalam Aspek Seni Bahasa, pentaksiran Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis boleh juga dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses PdP Aspek Seni Bahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.

5.0 ASPEK TATABAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Memahami dan menggunakan perkataan daripada pelbagai golongan kata dalam pelbagai ayat.	<p>Murid boleh:</p> <p>5.1.1 Memahami dan menggunakan kata ganti nama dan akronim dengan tepat mengikut konteks.</p> <p>5.1.2 Memahami dan menggunakan kata adjektif jarak, pancaindera, ukuran dan sifat dengan betul mengikut konteks.</p> <p>5.1.3 Memahami dan menggunakan kata prafrasa iaitu, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemer, kata arah dan kata bilangan serta kata pascakata iaitu kata penekanan dan kata pembenda dengan betul mengikut konteks:</p> <p>5.1.4 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dengan betul mengikut konteks.</p>
5.2 Memahami dan menggunakan kata ganda dalam pelbagai ayat.	5.2.1 Memahami dan menggunakan kata ganda separa tunggal dan separa berimbuhan dalam pelbagai ayat.
5.3 Memahami dan menggunakan kata terbitan dalam pelbagai ayat.	5.3.1 Memahami dan menggunakan apitan bagi kata nama dengan betul mengikut konteks.
5.4 Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai ayat.	5.4.1 Memahami dan menggunakan pelbagai frasa adjektif dengan betul dan tepat mengikut konteks.
5.5 Memahami dan membina pelbagai ayat.	5.5.1 Memahami dan membina ayat tunggal dan jenis ayat dengan betul dan tepat mengikut konteks.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.6 Menganalisis dan membetulkan kesalahan ayat.	5.6.1 Menganalisis dan membetulkan kesalahan kata dan frasa dalam sesuatu ayat.

CATATAN:

Dalam Aspek Tatabahasa, pentaksiran Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis boleh juga dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses PdP Aspek Seni Bahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.

GLOSARI

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
akronim	kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan
apresiasi	pengiktirafan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni
ayat arahan	ayat yang menjawab soalan karangan/ayat yang menjurus kepada kehendak karangan/ayat yang menyatakan fokus utama perbincangan karangan
ayat majmuk	ayat yang dibina dengan mencantumkan dua ayat tunggal atau lebih
ayat penyata	ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal
ayat perintah	ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi suruhan, larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
ayat rangsangan	ayat yang berkaitan dengan tema atau soalan karangan
ayat seruan	ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya
ayat tanya	ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal atau berita dan berdasarkan nada suara serta penggunaan perkataan tertentu
ayat tema	ayat pernyataan tema yang merujuk kepada tajuk karangan dan ditulis dalam perenggan pendahuluan
bacaan mekanis	bacaan kuat yang mementingkan sebutan huruf dan bunyi dengan betul, membaca mengikut intonasi, nada dan tekanan yang betul. Bahan bacaan yang digunakan dalam bacaan mekanis terdiri daripada perkara yang mudah difahami dan tidak membebankan fikiran.
bahan grafik	bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
bahan sastera	hasil karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu
bahasa kiasan	perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam makna yang berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu.
banding beza	melihat persamaan dan perbezaan antara dua benda
beradab	berbudi bahasa, bersopan
bertatasusila	adat sopan santun dan budi pekerti yang baik
ekstensif	luas liputannya
fiksiyen	karya sastera yang dicipta daripada imaginasi, seperti novel dan cerpen
frasa	kumpulan kata yang membentuk unit-unit sintaksis sesuatu klausa
gerak laku	tingkah laku atau gerak-geri, perbuatan atau kelakuan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
gramatis	berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa
gurindam	bentuk puisi (terdiri daripada dua baris berisi dengan berbagai-bagai pengajaran)
idea	buah fikiran, gagasan
imaginatif	tercipta daripada daya khayalan dan imaginasi atau daya kreatif berasaskan khayalan
intonasi	turun naik atau tinggi rendah nada suara
idea tersirat	idea yang terkandung atau tersembunyi
idea tersurat	idea yang telah ditulis, tertulis, tercatat
kata pascakata	hadir selepas perkataan dengan tugas-tugas tertentu
kata pembenda	kata yang menukar perkataan bukan nama menjadi kata nama, contoh; 'nya'

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
karangan berpandu	satu penulisan karangan berdasarkan panduan guru atau murid bebas mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi
karangan terkawal	segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru (<i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i>) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas
kata adjektif sifat / keadaan	perkataan yang memberi pengertian sifat/keadaan sebagai unsur keterangan nama
kata ganda majmuk	melibatkan penggandaan unsur pertama kata sahaja
kata ganda penuh	penggandaan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak
kata kerja aktif transitif	kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya
kata kerja pasif	kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
kata kerja transitif	kata kerja yang mengandungi objek yang terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksudnya
kata pembenar	perkataan yang digunakan untuk menegaskan sesuatu pernyataan
kata perintah	kata yang menyuruh
kata pangkal ayat	perkataan yang hadir di pangkal ayat sebagai penghubung dalam ayat seperti maka, alikisah, hatta. arakian, syahdah
kata tanya	kata atau perkataan yang digunakan untuk membentuk ayat-ayat tanya
kata seru	kata yang digunakan untuk menggambarkan perasaan seseorang seperti marah, sedih, gembira, sakit, hairan, kagum, terkejut dan sebagainya.
kategori	bahagian dalam sesuatu sistem klasifikasi, kumpulan
kesantunan	perihal (sifat) santun, kesopanan, kehalusan (budi bahasa atau pekerti); baik dalam bahasa lisan atau pun tulisan.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
komuniti	kumpulan orang atau masyarakat yang tinggal di sesuatu tempat
konsisten	terus berpegang pada pendirian yang sama, tekal
konteks	keseluruhan keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya atau dapat dihubungi dengan sesuatu.
kreatif	mempunyai kebolehan mengembangkan sesuatu idea
kritis	tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu)
maklumat	makluman, pemberitahuan, pengumuman
melafazkan	mengucapkan kata; perkataan; doa
memahami	tahu dan mengerti benar cara sebutan, intonasi, dan makna
memindahkan	mengubah bahasa sesuatu karangan dan lain-lain.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
mempersembah	menyampaikan, mengatakan, menceritakan, mempertunjukkan, menghidangkan
memurnikan	membersihkan atau menulis semula perkataan, frasa atau ayat yang betul hasil daripada pengeditan
menaakul	hal membuat pertimbangan dan penilaian dengan menggunakan akal atau tinjauan akal atau membuat pertimbangan dengan logik
menganalisis	penyelidikan atau penghuraian sesuatu seperti keadaan, masalah, persoalan untuk mengetahui pelbagai aspeknya
mengaplikasi	menggunakan secara praktik atau amali
mengecam	kenal atau ingat sesuatu yang dilihat dan didengar
mengedit	menyunting atau menandai kesalahan pada perkataan, frasa atau ayat
mengelas	membahagi-bahagikan atau mengasing-asingkan kepada berbagai-bagai golongan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
mengemukakan	mengetengahkan sesuatu pendapat, mengutarakan, mencadangkan
mengenal pasti	mengetahui serta menentukan, mengetahui sehingga dapat menyatakan dengan pasti
mengolah	mengerjakan sesuatu sehingga menjadi lebih sempurna
menghayati	mengalami dan merasai/dalam batin, meresapkan ke dalam jiwa.
mengulas	memberi keterangan atau tafsiran tentang sesuatu
mengujarkan	mengucapkan, menuturkan atau menyebutkan
menterjemah	memindahkan daripada suatu bahasa ke bahasa yang lain, mengalihbahasakan
menyaring	memilih untuk mendapatkan mana-mana yang baik
menyerapkan	memasukkan sesuatu benar-benar ke dalam hati/badan; menggabungkannya dengan yang lain.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
naratif	cerita peristiwa atau pengalaman
pancaindera	deria atau alat perasa yang lima (deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, deria sentuh)
pemajmukan	proses yang berlaku apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan dan rangkai kata yang terhasil membawa makna yang khusus
perasaan	perihal merasa dalam hati atau batin, hasil atau perbuatan merasa dalam hati atau batin, sentimen suka, minat, ingin tahu
pesanan	sesuatu yang dipesan
ramalan	sesuatu yang diramalkan, telahan, dugaan, tekaan
rasional	alasan munasabah yang mendasari sesuatu tindakan, perbuatan atau pegangan
respons	reaksi
sebutan	apa yang disebut atau cara melafazkan

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
soalan bercapah	soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan
soalan bertumpu	soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks
suruhan	sesuatu yang disuruh, perintah
syair	karangan bersajak (tiap-tiap rangkap terdiri daripada empat baris yang sama bunyi hujungnya)
tafsir	memberikan penjelasan, menghuraikan
tekal	tidak berubah-ubah halnya atau keadaannya, tetap, konsisten, selaras sepanjang masa, teguh, tetap berpegang pada pendirian
tema	perkara yang dijadikan dasar sesuatu cerita
terancang	sudah dirancang
terperinci	telah dihuraikan sepenuhnya

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
tertib	teratur, mengikut peraturan yang ditentukan
tulisan mekanis	menulis abjad, suku kata, perkataan dan ayat tanpa perlu banyak berfikir dan meniru atau menyalin sahaja
ujaran	sesuatu yang diucapkan atau disebutkan
wacana	sekumpulan ayat yang memperlihatkan satu kesatuan buah fikiran, fakta atau cerita

PANEL PENGGUBAL

1. Noraziah binti Ahmad Ghazali Bahagian Pembangunan Kurikulum
2. Isnazhana binti Ismail Bahagian Pembangunan Kurikulum
3. Zaiton binti Hj. Derahman Bahagian Pembangunan Kurikulum
4. Mohd Zuhairi bin Raffien IPG Kampus Darulaman, Kedah
5. Mat Salleh bin Mohamad Zain IPG Kampus Pulau Pinang
6. Arfah binti Ahamad IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah
7. Rosnan bin Mahmud Zahidin IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang
8. Nor Azura binti Mohd Salleh Pejabat Pendidikan Wilayah Keramat, Kuala Lumpur
9. A.Salina binti Mohd Salleh SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur
10. Mohamad Nasir bin Abd Aziz SMA Persekutuan Kajang, Kajang
11. Nor Faiza binti Salim SMK Gedangsa, Selangor
12. Sabariah binti Ahmad SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi, Selangor
13. Norhayati binti Mohd Noor SMK Kepong Baru, Kuala Lumpur
14. Mahsuri binti Omar SMK (P) Bandaraya, Kuala Lumpur
15. Rothman bin Mohd Tahir SMK Putrajaya Presint 16, Putrajaya
16. Azziah binti Bakrin SMK Rawang, Selangor
17. Norkhasimah binti Abdul Ghalim SMK Seri Aman, Petaling Jaya, selangor
18. Rosiah binti Rahim SMK Taman Medan, Petaling Jaya, Selangor
19. Dr. Fadzilah binti Abdul Rahman Universiti Putra Malaysia

Turut Menyumbang

1. Prof. Dr. Zamri bin Mahmood Universiti Kebangsaan Malaysia
2. Prof. Dr. Mohamad Mokhtar bin Abu Hassan Universiti Malaya
3. Prof. Dr. Mahzan bin Arshad Universiti Pendidikan Sultan Idris
4. Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Ali Universiti Pendidikan Sultan Idris
5. Dr. Dahlia binti Janan Universiti Pendidikan Sultan Idris
6. Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin Universiti Putra Malaysia
7. Prof. Madya Dr. Arbaie bin Sujud Universiti Putra Malaysia
8. Dr. Ghazali bin Lateh Universiti Putra Malaysia
9. Prof. Dr. Sohaimi bin Abdul Aziz Universiti Sains Malaysia
10. Dr. Fadzillah binti Amzah Universiti Sains Malaysia

PENGHARGAAN**Penasihat**

- | | |
|-----------------------------|---------------------|
| Dr. Sariah binti Abd. Jalil | - Pengarah |
| Shamsuri bin Sujak | - Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Dr. A'azmi bin Shahri | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Hajah Chettrilah binti Othman | - Ketua Sektor |
| Zaidah binti Md. Yusof | - Ketua Sektor |
| Mohd. Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4 - 8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>